



PARLIMEN MALAYSIA


DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS

2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 13 NOVEMBER 2017




KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.6, NO.9 HINGGA NO. 50)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO. : 6

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sebab-sebab projek Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Kota Setar Kedah tergendala. Apakah rancangan selanjutnya Kementerian menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. RTB Sungai Kedah / Anak Bukit terdiri daripada 3 pakej seperti berikut :
 - a. Pakej 1 : Menaiktaraf Sg Baru/Sg Kubang Rotan
 - b. Pakej 2 : Membina Lencongan Sungai Baru (12.6km) dan Menaiktaraf Sungai Anak Bukit sepanjang 1.7km
 - c. Pakej 3 : Menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh, Menaiktaraf Terusan Utama dan Utara MADA dan menaiktaraf Sg Anak Bukit
2. Kawasan Kota Setar termasuk dalam projek RTB Sg Kedah/ Anak Bukit Pakej 2 dan telah mencapai kemajuan fizikal 74 peratus sehingga 8 November 2017. Peratus kemajuan fizikal ini telah dikaji semula setelah mendapat kelulusan EOT (extension of time) yang ketiga.
3. Projek ini telah bermula sejak 17 September 2013 dan dijadualkan siap pada 19 Julai 2018 dengan mengambilkira EOT (extension of time) yang ketiga.
4. Kelewatan pembinaan projek ini adalah disebabkan oleh beberapa isu yang timbul iaitu,
 1. Isu proses pengambilan balik tanah;
 2. Isu kelulusan rekabentuk jambatan daripada jabatan berkaitan;
 3. Isu kesesuaian tanah untuk membina ban banjir; dan
 4. Isu gangguan sistem pengairan sedia ada di tapak.